



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 34  
No. 5

1hb. Mac, 1990

TAMBAHAN No. 4  
PERUNDANGAN

## J. P.U. 18.

### AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

#### UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI GUNTING RAMBUT DAN PENDANDAN RAMBUT (MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH) 1989

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Johor Bahru Tengah membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

Nama dan pemakaian.

1. (a) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah) 1989** dan adalah dipakai bagi kawasan Majlis tersebut sahaja.

Dengan syarat bahawa lesen-lesen yang telah dikeluarkan sebelum undang-undang kecil ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga tarikh tamat lesen-lesen itu.

(b) Undang-Undang kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“dandan rambut” termasuk potong rambut, kerinting rambut, potong-kemas, mencelup, mencukur, mensyampu dan tiap-tiap kerja seumpama itu yang biasanya dilakukan oleh seseorang pendandan rambut sama ada dengan tangan, dengan alat, dengan elektrik atau dengan menggunakan apa-apa serbuk atau larutan atau dengan apa-apa kombinasi cara-cara itu;

“kedai gunting rambut” termasuk sesuatu kedai pendandan rambut dan tiap-tiap salun dan semua premis yang di dalam atau di atasnya urusan dandan rambut dijalankan;

“larutan disinfektan” ertiannya larutan apa-apa disinfektan yang sama kekuatan racun kumannya dengan 5 peratus larutan asid karbolik;

“pendandan rambut” termasuk seorang penggunting rambut dan (semasa orang itu menjalankan kerja berkaitan dengan dandan rambut dalam kedai gunting rambut) seorang pekerja pendandan rambut;

"Yang Dipertua" ertiinya Yang Dipertua Majlis Daerah Johor Bahru Tengah dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

3. (1) Tidak suatu pun premis boleh digunakan sebagai kedai <sup>Lesen, fee dan pem-</sup> gunting rambut melainkan jika premis itu dilesen oleh Yang Dipertua.

(2) Sesuatu lesen, melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal, adalah sah sehingga 31hb. Disember berikut dari tarikh bermulanya lesen itu, tetapi boleh dibaharui pada atau sebelum 31hb. Disember tiap-tiap bulan.

(3) Tiap-tiap orang yang berkehendakkan lesen atau pembaharuan lesen hendaklah membuat permohonan bertulis kepada Yang Dipertua.

(4) Fee yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah menurut skel berikut:

|                              | Tak Berhawa<br>Dingin<br>s.t. | Berhawa<br>Dingin<br>s.t. |
|------------------------------|-------------------------------|---------------------------|
|                              | S                             | S                         |
| (a) 8 kerusi ke bawah        | ... ...                       | 111.00 140.00             |
| (b) 8 hingga 15 kerusi       | ... ...                       | 185.00 240.00             |
| (c) 16 hingga 20 kerusi      | ... ...                       | 210.00 300.00             |
| (d) Lebih daripada 20 kerusi | ... ...                       | 350.00 500.00             |

(5) Yang Dipertua hendaklah menyimpan suatu daftar semua permohonan untuk mendapat lesen atau membaharui lesen.

(6) Dalam masa sesuatu lesen itu hidup Yang Dipertua boleh, atas permohonan pemegang lesen itu, membenarkan supaya lesen itu dipindah milik kepada seorang lain.

(7) Tiap-tiap pendandan rambut yang menjalankan perniagaan atau urusan pendandan rambut atau menjaga atau diambil bekerja di premis di mana urusan itu dijalankan hendaklah membenarkan Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya olehnya memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah tanpa notis dan memeriksa premis itu dan tiap-tiap bahagiannya dan tidak boleh menghalang atau membenarkan orang itu dihalang daripada membuat pemeriksaan itu.

(8) (1) Yang Dipertua boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen, menyuruh pemohon memberi jaminan, dengan membayar deposit tunai untuk menentukan bahawa peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini dan syarat-syarat lesen itu dipatuhi sepertutnya.

(2) Deposit itu bolehlah berupa atau bersandarkan sejumlah wang tidak melebihi seribu ringgit.

(3) Apa-apa wang yang dideposit yang diikat di bawah undang-undang kecil ini boleh dirampas keseluruhannya atau sebahagiannya oleh Yang Dipertua kerana melanggar undang-undang kecil ini atau syarat-syarat lesen atau apabila lesen dibatalkan.

(9) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa membatalkan sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini jika ia berpuas hati—

- (1) bahawa telah berlaku sesuatu yang melanggar undang-undang kecil ini atau syarat-syarat lesen itu atau
- (2) bahawa akibat daripada perjalanan kedai gunting rambut dan pendandan rambut yang baginya lesen itu telah dikeluarkan telah berbangkit kacauganggu, bencana atau kemarahan di kalangan penduduk-penduduk di sekitar kedai gunting rambut dan pendandan rambut.

**Keluaran  
lesen pendua.**

4. Sesuatu lesen pendua boleh dikeluarkan dengan fee sebanyak sepuluh ringgit jika lesen asal telah kehilangan.
5. Fee cari bagi mana-mana lesen adalah sepuluh ringgit dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

**Kebersihan  
premis dan  
perkakas.**

6. Premis tiap-tiap kedai gunting rambut, perkakas, perabot dan alatnya hendaklah pada setiap masa disenggara dalam keadaan baik dan berada di dalam keadaan yang sungguh bersih.

**Bekalan air  
panas dan  
sejuk.**

7. Bekalan air panas dan sejuk yang cukup hendaklah diadakan terus menerus di tiap-tiap kedai gunting rambut semasa dibuka untuk urusan.

**Bekas bagi  
tuala kotor  
dan buangan  
tred.**

8. Tiap-tiap kedai gunting rambut hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya dua bekas yang sesuai yang beritudung rapat, yang ke dalam satu daripadanya hendaklah dimasukkan semula tuala kotor dan kain-kain kotor lain selepas sahaja digunakan dan ke dalam yang satu lagi hendaklah dimasukkan semua keratan rambut dan lain-lain buangan tred dengan seberapa segera yang praktik selepas melayan seseorang pelanggan.

**Kehendak  
kebersihan  
yang mesti  
dipertahui oleh  
pendandan  
rambut.**

9. (1) Sebelum melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut hendaklah mencuci tangannya dengan sepenuhnya, dengan menggunakan sabun dan air bersih, dan bila perlu menggunakan berus kuku.

(2) Semasa melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut hendaklah memakai kot atau overall yang bersih dan padan berwarna putih atau warna lembut diperbuat dari kain yang boleh dibasuh.

(3) Tiap-tiap pendandan rambut hendaklah menjalani pemeriksaan doktor setahun sekali.

**Tuala muka  
dan fabrik-fabrik  
lain.**

10. (1) Tuala muka, pelindung leher, tuala leher dan fabrik-fabrik lain yang secara langsung menyentuh kulit seseorang pelanggan yang diuntukkan bagi pelanggan itu hendaklah baru dan bersih.

(2) Tuala muka hendaklah direndam dalam air mendidih atau diwapi selama sekurang-kurangnya 5 minit dan kemudian dibasuh sebelum digunakan pada tiap-tiap pelanggan.

**Sabun untuk  
cukuran.**

11. Apa-apa sabun selain daripada 'soft soap' atau sabun cecair atau krim cukuran atau serbuk cukuran tidak boloh digunakan bagi maksud membuat buili bagi mana-mana pelanggan yang menghendaki cukuran.

12. Cawan yang digunakan untuk mengisi air bagi membuat buih untuk cukuran hendaklah dikosongkan selepas sahaja digunakan bagi tiap-tiap pelanggan dan dicuci sepenuhnya dengan air mendidih.

13. Span atau puff bedak tidak boleh digunakan ke atas pelanggan.

14. Keluar darah hendaklah diberhentikan hanya dengan suatu stiptik yang sesuai yang hendaklah digunakan ke atas seorang pelanggan sahaja dan hendaklah selepas sahaja digunakan dimasukkan dalam bekas yang disediakan untuk buangan tred.

15. (1) Mana-mana orang yang mengidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular, atau apa-apa ruam atau letusan berjangkit atau menular di muka, leher atau kulit kepala, hendaklah memberitahu pendandan rambut tentang adanya penyakit, ruam atau letusan itu sebelum ia membiarkan kerja mendandan rambut dilanjutkan ke atas dirinya.

(2) Tiap-tiap pendandan rambut, apabila diberitahu sedemikian atau apabila mendapat tahu secara lain bahawa seseorang itu mengidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular atau ruam atau letusan berjangkit atau menular hendaklah, semasa melayan orang itu, menggunakan alat-alat berasingan yang diasingkan untuk digunakan khas bagi orang-orang itu. Alat-alat itu hendaklah selepas sahaja digunakan direndam dalam suatu larutan disinfektan selama sekurang-kurangnya lima minit. Semua tuaia, kain, atau fabrik lain yang digunakan ke atas orang itu atau kot atau overall yang dipakai oleh pendandan rambut itu hendaklah selepas sahaja digunakan dimasukkan dalam suatu larutan disinfektan atau dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya sepuluh minit.

(3) Seseorang pendandan rambut yang mengidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular atau apa-apa ruam atau letusan kulit berjangkit atau menular tidak boleh melayan mana-mana pelanggan.

16. (1) Tiap-tiap pendandan rambut hendaklah menyebabkan supaya semua kelengkapan bagi kegunaan am yang tersebut dibawah ini dibasmikan kuman mengikut cara yang ditetapkan atau dengan cara pembasmian kuman melalui diangan lampu ungu yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(a) Pisau cukur, gunting dan sikat—rendamkan selama sekurang-kurangnya tiga minit dalam larutan disinfektan.

(b) Perepang (clipper)—mula-mula berus sepenuhnya gigi-gigi dengan suatu berus yang bersih dari kuman untuk membuang semua rambut dan kemudian lap gigi-gigi itu dengan sekeping kain yang telah dicelep dalam larutan disinfektan.

(c) Berus rambut—rendamkan bahagian bulu atau bulu keras selama sekurang-kurangnya tiga minit dalam larutan disinfektan yang sesuai dan kemudian keringkan berus itu dalam ruang udara panas.

(d) Berus cukur—apabila suatu berus baru akan mula digunakan, rendamkan bahagian bulu keras dalam larutan formalin 10 peratus selama sekurang-kurangnya tiga puluh minit dan selepas itu bilas dalam air bersih. Apa-

Cawan  
cukuran.

Span tidak  
boleh diguna-  
kan.

Memberhenti-  
kan keluar  
darah.

Penyakit  
penyakit  
berjangkit  
atau menular.

Membasmikan  
kuman dari  
alat-alat.

bila hendak digunakan lagi kemudiannya, rendamkan bahagian bulu atau bulu keras dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya tiga minit tetapi jika bulu keras itu dibuat daripada apa-apa bahan sintetik memadai lah membasuhnya dengan sabun dan air.

(2) Semua kelengkapan yang tersebut dalam perenggan (1) hendaklah dibasmikan kuman mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan itu sebelum digunakan tiap-tiap hari dan selepas sahaja digunakan ke atas tiap-tiap pelanggan.

Meludah.

17. Tiada seorang pun boleh meludah ke lantai atau dinding kedai gunting rambut.

Larangan membuat sekatan.

18. Tiada sekatan dalam apa-apa bentuk boleh dibina di antara kerusi gunting.

Larangan makanan atau minuman.

19. Tiada seorang pun pendandan rambut boleh menyebabkan atau membenarkan apa-apa binatang masuk atau tinggal dalam kedai gunting rambut.

Salinan lesen hendaklah dipamerkan dalam kedai gunting rambut.

20. Tiada makanan atau minuman boleh dihidangkan kepada pelanggan-pelanggan dalam kedai gunting rambut.

Kesalahan.

21. Satu salinan undang-undang kecil ini, yang diletakkan dalam frame yang sesuai, hendaklah pada setiap masa dipamerkan dengan cara yang mudah dilihat dalam tiap-tiap kedai gunting rambut dan hendaklah sentiasa dijaga dalam keadaan bersih, boleh dilihat dan boleh dibaca.

Pemansuhan.

J.N. No.

513/37.

22. Seseorang yang melanggar inана-иана peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

23. Bahagian VIII C Undang-undang Kecil Lembaga Bandaran 1937 setakat ianya berkaitan dengan penggunting rambut adalah dengan ini dimansuhkan, setakat mana ianya terpakai kepada Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

Diperbuat pada 15hb. Februari, 1988.  
[MDJBT (K) 6/5-18 Jld. 3.]

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH

Disahkan pada 14hb. Mac, 1989.  
[K.T. 24/69/2-(45).]

MENTERI BESAR, JOHOR

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
BARBER SHOPS AND HAIRDRESSERS (MAJLIS DAERAH  
JOHOR BAHRU TENGAH) BY-LAWS 1989

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Majlis Daerah Johor Bahru Tengah makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

Act 171.

1. (a) These by-laws may be cited as the Barber Shops and Hair-dressers (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah) By-Laws 1989 and shall apply only to the area of the said Majlis:

Provided that licences that have been issued prior to these by-laws shall continue to be in force until the date of expiry of such licences thereof.

(b) These by-laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

2. In these by-laws, unless the context otherwise requires— Interpretation.

“barber’s shop” includes hairdresser’s shop and every saloon and all premises wherein or whereon the business of hairdressing is carried on;

“disinfecting solution” means a solution of any disinfecting which equals in bactericidal strength at 5 percent solution of carbolic acid;

“hairdresser” includes a barber and (when such person is engaged in a barber’s shop upon work connected with hairdressing) an employee of a hairdresser;

“hairdressing” includes hair-cutting, hair waving, trimming, dyeing, shaving, shampooing and every similar operation usually performed by a hairdresser either manually, mechanically, electrically or by means of any powder or solution or by any combination of such methods;

“President” means the President of Majlis Daerah Johor Bahru Tengah and includes the Deputy President.

3. (1) No premises shall be used as a barber’s shop unless such premises are licensed by the President. Licences, fees and inspection.

(2) A licence shall, unless sooner suspended or cancelled, remain in force until the 31st day of December next following the date of its commencement, but may be renewed on or before the said 31st day of December in each year.

(3) Every person requiring a licence or renewal thereof shall make a written application to the President.

(4) The fee payable for a licence shall be in accordance with the following scale:

|                            | Non-Air-Conditioned |           | Air-Conditioned |           |
|----------------------------|---------------------|-----------|-----------------|-----------|
|                            | \$                  | Per Annum | \$              | Per Annum |
| (a) 8 chairs and below     | ...                 | ...       | 111.00          | 140.00    |
| (b) 8 chairs to 15 chairs  | ...                 | ...       | 185.00          | 240.00    |
| (c) 16 chairs to 20 chairs | ...                 | ...       | 210.00          | 300.00    |
| (d) More than 20 chairs    | ...                 | ...       | 350.00          | 500.00    |

(5) The President shall keep a register of all applications for a licence or renewal thereof.

(6) During the currency of any licence the President may, on the application of the holder thereof, authorise its transfer to another person.

(7) Every hairdresser carrying in the trade or business of a hairdresser or in charge of or employed in the premises in which such business is carried on shall permit the President or any person duly authorised by him to enter the premises at all reasonable times without notice and to inspect the same and every part thereof and shall not hinder him or permit him to be hindered in the making of such inspection.

(8) (1) The President may, before issuing a licence, require the applicant to give security, by making a cash deposit to ensure that the provisions of these by-laws and the conditions of the licence are duly observed.

(2) The deposit may be of or in the sum of not exceeding one thousand ringgit.

(3) Any sum deposited entered into under this by-law shall be liable to forfeiture in whole or in part by the President for any contravention of these by-laws or any breach of the conditions of the licence or on revocation of the licence.

(9) The President may at any time revoke any licence issued under these by-laws if he is satisfied—

(1) that there has been a contravention of these by-laws or a breach of the conditions of the licence; or

(2) that consequent upon the operation of barber shops and hairdresser in respect of which the licence has been issued there has been a breach of the peace or there has been caused to the residents in the locality of barber shops and hairdressers any nuisance, injury or annoyance.

4. A duplicate licence may be issued in the event of loss of the original licence for a fee of ten ringgit.

Search fee.

5. A search fee for any licence shall be ten ringgit and shall be paid in advance.

Cleanliness of premises and fittings.

6. The premises of every barber's shop, its fittings, furniture and equipment shall at all times be maintained in good order and in a thoroughly clean condition.

Supply of hot and cold water.

7. An adequate supply of hot and cold water shall be continuously provided in every barber's shop whilst it is open for business.

Receptacles for soiled towels and trade wastes.

8. There shall be provided in every barber's shop at least two suitable receptacles with close-fitting lids, into one of which all soiled towels and other soiled cloths shall be placed immediately after their use, and into the other all hair clippings and other trade wastes shall be placed as soon as practicable after attendance on a customer.

Sanitary requirements to be observed by hairdressers.

9. (1) Before attending to a customer, every hairdresser shall thoroughly clean his hands, using soap and clean water, and when necessary a nail brush for this purpose.

(2) Every hairdresser shall, whilst attending to a customer wear a clean and properly fitting coat or overall of white or light coloured washable material.

(3) Every hairdresser shall undergo a medical examination once a year.

10. (1) Face towels, neck protectors, neck towels, and other fabrics which come into direct contact with a customer's skin shall be provided fresh and clean for each customer. Face towels and other fabrics.

(2) Face towels shall be immersed in boiling water or steamed for at least five minutes and then washed before use on each customer.

11. No soap other than soft or liquid soap or shaving cream or shaving powder shall be used for the purpose of producing lather for any customer who requires a shave. Soap for shaving.

12. Mugs used to contain the water for producing lather in shaving shall be emptied immediately after use for each customer and thoroughly cleaned with boiling water. Shaving mugs.

13. A sponge or powder puff shall not be used on any customer. Use of sponge prohibited.

14. Bleeding shall be arrested only by a suitable styptic which shall be used on one customer only and shall immediately after use be deposited in the receptacle provided for trade wastes. Sterilage of bleeding.

15. (1) Any person suffering from any infectious or contagious disease, or any infectious or contagious rash or eruption of the face, neck or scalp, shall notify the hairdresser of the existence of such disease, rash or eruption before submitting himself to the operation of hairdressing. Infectious or contagious disease.

(2) Every hairdresser, on being so notified or on otherwise becoming aware that any person is suffering from any infectious or contagious disease or infectious or contagious rash or eruption shall, whilst attending to such person, employ a separate set of instruments kept apart to be used specially on such persons. Such instruments shall immediately after their use be immersed in a disinfecting solution for a period of at least five minutes. All towels, cloths, or other fabrics used on such person and the coat or overall worn by the hairdresser shall immediately after use be placed in a disinfecting solution or in boiling water for at least ten minutes.

(3) A hairdresser suffering from any infectious or contagious disease or any infectious or contagious skin rash or eruption shall not attend to any customer.

16. (1) Every hairdresser shall cause all the appliances in general use specified below to be sterilised in the manner prescribed, or, alternatively, by a method of effective sterilisation by ultra violet irradiation approved by the President. Sterilisation of instruments.

(a) Razor blades, scissors and combs—by immersion for at least three minutes in a disinfecting solution.

(b) Clippers—by first thoroughly brushing the teeth with a sterile brush so as to remove all hair and then wiping such teeth with a cloth soaked with a disinfecting solution.

(c) Hair brushes—by immersing the hair or bristle portion for at least three minutes in a suitable disinfecting solution and then drying the brush.

(d) Shaving brushes—when a new brush is first taken into use, by immersion of the bristle portion in a ten percent solution of formalin for at least thirty minutes and afterwards rinsing in clean water. On subsequent occasions by immersion of the hair or bristle portion in boiling wafer for at least three minutes except that when the bristle, are made from any synthetic material it is sufficient that they shall be washed in soap and water.

(2) All the appliances mentioned in paragraph (1) shall be sterilised in the manner therein described before use each day and immediately after use on each customer.

**Spitting.**

17. No person shall spit upon the floor or walls of a barber's shop.

**Prohibition of partition.**

18. No partition in any form shall be erected in between the barber's chair.

**Prohibition of animals.**

19. No hairdresser shall cause or permit any animal to enter or remain in any barber's shop.

**Prohibition of food or drink.**

20. No food or drink shall be served to the customers within the barber's shop.

**Copy of by-laws to be displayed in barber's shop.**

21. A copy of the licence, suitably framed, shall at all times be conspicuously displayed in every barber's shop, and shall be constantly maintained in a clean, visible and legible state.

**Offence.**

22. Any person who contravenes any of the provisions of these by-laws shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding two thousand ringgit or a term of imprisonment not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and to a further fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

**Repeal.**  
J.N. No.  
513/37.

23. Part VIII C of the Town Board By-Laws 1937 in so far as it relates to barbers is hereby replaced, in so far as it applies to the Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

Made this 15th day of February, 1988.  
[MDJBT (K) 6/5-18 Jld. 3.]

PRESIDENT,  
MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH

Confirmed this 14th day of March, 1989.  
[K.T. 24/69/2.]

MENTERI BESAR, JOHOR